

## TOUR DE ILMU ( TDI ) BIRO BIMBINGAN DAN ROHANI



Ramai yang masih terkeliru mengenai peranan sebenar program Tour De Ilmu yang dianjurkan oleh Biro Bimbingan dan Rohani. Begitu banyak pandangan, kritikan, nasihat, teguran, tohmahan, kutukan serta bermacam lagi yang dilontarkan kepada BBR. Jika kita meneliti serta menganalisis realiti semasa umat, tanpa diragukan sememangnya terdapat unsur-unsur yang merupakan masalah, cabaran dan ancaman yang mana golongan mahasiswa perlu memainkan peranan penting bagi menjamin pembangunan negara seimbang diantara duniawi dan rohani. Tempoh pengajian selama empat tahun yang berjumlah 1440 hari di pemukiman Jordan ini amat singkat dan begitu sedikit jika melihat kepada apa yang perlu dilengkapi sebelum berangkat ke Malaysia. Waktu ini amatlah berharga untuk dimanfaatkan dengan semaksimumnya, oleh itu Biro Bimbingan dan Rohani tampil memainkan peranan agar mahasiswa Jordan dapat mempelengkap senjata yang bukan sahaja dimata rakyat Malaysia dengan label " mahasiswa luar negara" tetapi canggih dan benar-benar hebat berdepan dengan arus pembangunan yang memerlukan mahasiswa mengisi kantung peluru dengan ilmu-ilmu yang sepatutnya dikuasai. Hujan tembakan peluru terutama peluru berpandu 'muasirah' memerlukan keringat mahasiswa memanipulasikan ilmu yang dipelajarinya di bumi anbiya' ini.

Dengan itu, PERMATA sesi 09/10 mengorak langkah *permulaan* membantu mahasiswa menggapai matlamat mereka apabila menjejaki bumi anbiya' ini. Kita percaya pada ketika ini, proses pembelajaran secara output amatlah kurang diamalkan oleh mahasiswa Mu'tah sedangkan mengikut pakar motivasi dan kajian proses pembelajaran beginilah lebih membawa pulangan yang besar berbanding proses input. Rasanya tidak keterlaluan jika dikatakan, bahawa mahasiswa masa kini lebih cenderung **menerima** pandangan dan ilmu berbanding **mengeluarkan** dan **mengutarakan** pandangan. Justeru itu, marilah sama-sama berganding bahu menyumbang fikrah dan ilmu untuk kebaikan bersama terutama dalam merealisasikan PERMATA matang 2010. Inilah sebenarnya objektif penubuhan TDI terutama PERMATA sesi kali ini. Suka lah dijelaskan, **TDI bukanlah usrah yang menggerikan dengan naqib dan silibus yang membosankan** seperti digambarkan kebanyakan mahasiswa Mu'tah. Semua tanggapan ini meleset sama sekali. PERMATA khususnya BBR pada kali ini tidak menganjurkan mana-mana usrah. Mana mana pihak yang mengaitkan kami dengan usrah, kami melihat ia adalah satu perancangan tersusun untuk menggagalkan dan sabotaj kepada PERMATA khususnya BBR dalam melaksanakan program. Maaf jika terkasar tetapi inilah pendirian kami. Apa yang ingin dicapai TDI ialah pembangunan ilmiah sebenarnya.

Pada kali ini, TDI meletakkan permulaan batu asas yang paling ringkas agar PERMATA dapat melahirkan mahasiswa yang betul-betul berilmiah selaras dengan perancangan PERMATA matang 2010. Pada baru baru ini BBR yang bertindak sebagai **penyelaras** telah mengadakan perjumpaan Dewan Nuqaba' bahagian syabab dan akhowat bagi membincangkan halatuju TDI pada kali ini. Perbincangan yang mendapat sambutan positif dan hangat daripada Nuqaba' yang kebanyakannya terdiri daripada pimpinan PERMATA telah berjaya meletakkan beberapa asas penting untuk TDI pada kali ini. Apa yang menariknya, kumpulan-kumpulan TDI berhak sepenuhnya mencorak pergerakan kumpulan mereka. Samaada ingin menekankan bahagian feqah atau bahasa Arab atau kepimpinan, sukan mahupun di bidang lain.

Setakat ini sahajalah BBR boleh menerangkan hakikat sebenarnya TDI. Ruang yang sempit ini membataskan penerangan BBR. Apa-apa pun Insyaalah penerangan selanjutnya akan diterangkan oleh Nuqaba' TDI. Hadirlah dulu perjumpaan TDI, jangan menghukum niat suci kami untuk menjadikan kita sama-sama menjadi mahasiswa terbilang.

“ TOGETHER WE ASPIRE TOGETHER WE ACHIEVE ”